

**MESYUARAT PERTAMA PENGKAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(VI)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

16. Apakah sasaran Kerajaan Negeri dalam mencapai status *international city*?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

16. Negeri Pulau Pinang telah terkenal sebagai *International City* atau Bandaraya Bertaraf Antarabangsa setanding dengan bandaraya antarabangsa lain di dunia. Ini terbukti dengan pelbagai pengiktirafan antarabangsa yang telah diterima oleh Kerajaan Negeri. Penggunaan slogan '*Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang*' adalah asas kejayaan dalam mencapai status bandaraya antarabangsa. Antara inisiatif Kerajaan Negeri untuk mengekalkan status negeri ini sebagai bandaraya bertaraf antarabangsa adalah seperti berikut:-

- (i) Mempromosi Tapak Warisan Dunia George Town

Bandar George Town telah mendapat pengiktirafan sebagai *UNESCO World Heritage Site* pada tahun 2008. *George Town World Heritage Day* terus dijadikan hari cuti umum di Negeri Pulau Pinang pada setiap 7 hari bulan Julai. Oleh itu, sempena cuti umum itu, penganjuran pertunjukan budaya, persembahan jalanan, pameran makanan, lawatan khas dan seminar telah diadakan oleh George Town World Heritage Institute (GTWHI). Melalui pengiktirafan ini, Pulau Pinang telah menjadi tumpuan pelancong antarabangsa sehingga

CNN.com telah menyenaraikan Pulau Pinang di tangga ke-2 daripada 17 lokasi terbaik di dunia yang perlu di lawati bagi tahun 2017. Berdasarkan laporannya bertarikh 6 Januari 2017, Pulau Pinang sesuai menjadi destinasi pelancongan kerana keunikan *street food* serta tempat-tempat bersejarah yang menggabungkan seni binaan klasik sejak zaman penjajahan Inggeris dengan adunan budaya tempatan. George Town menjadi satu-satunya bandar di Asia yang disenaraikan di dalam *Lonely Planet Street Art Book 2017* di samping bandar-bandar antarabangsa lain seperti New York, London, Barcelona, Berlin dan San Francisco. Malah, George Town telah terpilih sebagai *World Best Street Art* daripada 15 buah bandar di dunia oleh *The Guardian* pada tahun 2013. Ini membuktikan Pulau Pinang adalah setaraf dengan bandar antarabangsa lain di dunia ini.

- (ii) Menaik taraf infrastruktur dan kemudahan awam agar mencapai piawaian antarabangsa

Kerajaan Negeri terus komited dalam menaik taraf infrastruktur dan kemudahan awam agar mencapai piawaian antarabangsa melalui usaha pelbagai jabatan dan agensi kerajaan sehingga mendapat pengiktirafan sebagai *The 4th Most Charismatic City in the World to Visit* oleh *Lonely Planet* pada tahun 2016. Sebagai contoh, *Penang International Sport Arena* (PISA) kini telah dibangunkan semula menjadi Subterranean Penang International Conference & Exhibition Centre (SPICE) bermula Mac 2017. Pembangunan SPICE yang dilengkapi dengan pelbagai fungsi adalah sesuai untuk majlis korporat dan sosial bertaraf antarabangsa dengan mendapat pengiktirafan berikut:

- (a) Pusat konvensyen pertama di dunia yang menggunakan kuasa *solar hybrid*;
- (b) Pusat konvensyen di Asia yang mendapat pensijilan Indeks Bangunan Hijau (*Green Building Index-GBI*);

- (c) Dewan utama terbesar bawah tanah yang dibina tanpa tiang di Asia;
- (d) *Roof Garden* terbesar dengan dilengkapi taman herba moden; dan
- (e) Taman permainan kanak-kanak golongan istimewa terbesar.

Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) pula akan diperbesarkan hampir 100% daripada kapasiti 6.5 juta penumpang kepada 12 juta penumpang. Kerajaan Persekutuan melalui pembentangan Bajet 2018 pada 27 Oktober 2017 telah bersetuju untuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP). Sehingga Oktober 2017, jumlah penumpang yang dikendalikan di LTAPP telah meningkat sebanyak 449,580 orang kepada 5,922,259 orang penumpang berbanding 5,472,679 orang penumpang pada tempoh yang sama tahun 2016. Ini merupakan pertumbuhan sebanyak 8.2% berbanding lapangan-lapangan terbang lain yang merekodkan pertumbuhan di antara -8.5% sehingga 13.5%. LTAPP mempunyai banyak penerbangan terus ke pelbagai negara di peringkat antarabangsa dan yang terbaru, Kerajaan Negeri mengalukan ketibaan dua penerbangan baru dari Hanoi, Vietnam dan Phuket, Thailand di LTAPP. Peningkatan kedatangan pelancong dan pada masa yang sama menghubungkan Pulau Pinang dan komuniti di utara ke lebih banyak destinasi antarabangsa telah berjaya meningkatkan sektor pelancongan Pulau Pinang yang mengukuhkan lagi ekonomi Negeri Pulau Pinang. Malah, ini dapat mengukuhkan hubungan Asean di rantau ini selain hab Kuala Lumpur.

Kerajaan Negeri juga berusaha meningkatkan prasarana dan infrastruktur yang canggih dan moden bagi menepati keperluan antarabangsa dalam mencapai misi mewujudkan

Bandar Pintar bertaraf antarabangsa yang mampan pada Tahun 2025 selaras dengan transformasi digital dan revolusi industri 4.0 di peringkat global tanpa mengenenepikan aspek mampan (*sustainable*) melalui tadbir urus dan inisiatif pintar oleh pelbagai jabatan dan agensi di Negeri Pulau Pinang. Antaranya, Kerajaan Negeri telah membangunkan satu aplikasi pintar yang dinamakan *Penang Intelligent Traffic and Transport System (PiTTs)*. Aplikasi ini memberi fokus kepada informasi berkenaan info trafik dan pengangkutan awam di Pulau Pinang. Aplikasi ini sesuai untuk digunakan oleh rakyat Pulau Pinang dan pelancong dari dalam dan luar negara. Terdapat 4 komponen utama di dalam pembangunan aplikasi ini iaitu:

- (a) Informasi berkenaan Bas Rapid Penang - Pengguna boleh mengetahui waktu bas akan tiba di mana-mana perhentian bas yang ditunggu;
 - (b) Aduan berkenaan keadaan trafik, pengangkutan awam dan jalan di seluruh Pulau Pinang - Pengguna boleh membuat aduan berkenaan sebarang masalah berkenaan untuk diselesaikan oleh pihak berwajib dengan cepat dan sempurna;
 - (c) Berita dan program yang dijalankan - Kerajaan Negeri boleh berkongsi dengan semua rakyat mengenai apa-apa info dan program-program rasmi yang akan dijalankan oleh Kerajaan Negeri;
 - (d) Navigasi berbantu - pengguna boleh mendapatkan navigasi ke mana sahaja tempat yang hendak dituju di Pulau Pinang.
- (iii) Penganjuran pelbagai aktiviti peringkat antarabangsa pada tahun 2018 seperti berikut:

- (a) Penganjuran Penang Hot Air Ballon Festival yang telah diadakan pada 24-25 Februari 2018 di Padang Polo, Pulau Pinang yang mengumpulkan pelbagai *balloonist* antarabangsa dan tempatan selama dua (2) hari.
- (b) Penang Sport Club International Soccer Tournament yang telah diadakan pada 3-4 Mac 2018 di Penang Sport Club. Terdapat 44 kumpulan daripada serata dunia yang mengambil bahagian dalam perlawanan ini seperti Indonesia, Thailand, Filipina, Australia, Maldives, China, Hong Kong dan Eropah.
- (c) Penang International Wedding Expo yang telah diadakan pada 16-18 Mac 2018 di SPICE Convention Centre. Ekspo ini merupakan ekspo perkahwinan pertama yang dianjurkan untuk mempromosikan wedding tourism di Pulau Pinang. Pempamer yang terlibat adalah daripada pelbagai pihak tempatan dan antarabangsa.
- (d) Penang International Food Festival pada 14-29 April 2018 yang telah diadakan di pelbagai tempat menarik di Pulau Pinang. Festival selama 16 hari ini bertujuan untuk mempromosikan Pulau Pinang sebagai pusat dan syurga makanan kepada orang tempatan dan pelancong.
- (e) Penang World Hoops FIBA 3x3 Challenger yang diadakan pada 5-6 Mei 2018 di Gurney Paragon. Acara sukan ini mempromosikan Sukan Olimpik khusus untuk sukan bola keranjang yang melibatkan pasukan ternama di peringkat dunia. Acara ini merupakan acara tahunan peringkat dunia yang mengumpulkan pelbagai pemain bertaraf antarabangsa untuk bertanding dengan pemain tempatan.
- (f) Malaysia Miniature Hobby Show 2018 yang diadakan pada 30 Jun-1 Julai 2018 di Cititel, Pulau Pinang. Acara tahunan yang berlangsung selama dua (2) hari ini adalah

percuma dan memfokuskan kepada hobi berkaitan auto-mobile, ketenteraan, fiksyen sains dan patung animasi. Acara ini adalah yang ketiga dianjurkan di Asia Tenggara yang dihadiri oleh ratusan penggemar hobi tersebut dari lebih 20 buah negara.

- (g) Penang Bon Odori Festival yang telah diadakan pada 21 Julai 2018 di Esplanade, Pulau Pinang. Festival Jepun ini disambut dengan persembahan kebudayaan dan tarian untuk mengalukan kepulangan roh nenek moyang yang dipercayai oleh rakyat Jepun. Terdapat pelbagai jualan makanan, persembahan bunga api, jualan cenderahati Jepun dan permainan yang diadakan secara langsung.

- (iv) Menjadikan Pulau Pinang Sebagai Rumah Kedua (*Penang as Second Home Country*)

Negeri Pulau Pinang telah mendapat pengiktirafan The Most Liveable City in Asia oleh Global Consulting Firm EAC International. Ini menyebabkan ramai pelabur asing datang melabur di Pulau Pinang dan negeri ini menjadi negeri pilihan utama yang sesuai untuk didiami sebagai rumah kedua yang menyebabkan keperluan sosio-ekonomi di Pulau Pinang amat memberangsangkan. Kesannya, profil Pulau Pinang terus meningkat sebagai negeri yang gemilang di peringkat global.

Malah, Pulau Pinang juga telah menjadi tarikan ramai warganegara lain untuk datang menetap di Pulau Pinang bagi pelbagai tujuan seperti bekerja, mendapatkan rawatan perubatan, menyambung pengajian dan sebagainya. Antara pengiktirafan yang diterima Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- (a) *No.4 Best Country in the World for Medical Tourism (Healthcare)* pada Tahun 2017 oleh International Living;

- (b) No.1 Budget Travel Destination daripada 10 buah bandar di dunia oleh Forbes pada tahun 2016;
- (c) One of the 16 Must Visit Destinations in the World oleh Los Angeles Times pada tahun 2016;
- (d) One of the 15 Best Cities in the World for food oleh The Culture Trip pada Tahun 2016; dan
- (e) No.1 Food Destination in the World oleh Lonely Planet pada tahun 2014.